KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 20 MEI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | AIDILFITRI: BEKALAN TELUR AYAM, KELAPA DIJAMIN MENCUKUPI, DALAM NEGERI, UM -9<br>BARANG KEPERLUAN RAYA MENCUKUPI, ISU, BH -13<br>BEKALAN MAKANAN DIJAMIN CUKUP, NEGARA, KOSMO -6<br>KPDNHEP ASSURES OF SUFFICIENT FOOD SUPPLY DURING RAYA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A24<br>SUFFICIENT SUPPLY OF ESSENTIAL FOOD ITEMS DURING FESTIVE SEASONS – MINISTER, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -4<br>MINISTRY ENSURE FOOD SUPPLY IS SUFFICIENT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A19<br>SUFFICIENT SUPPLY THROUGHOUT RAMADHAN AND HARI RAYA AIDILFITRI, NEWS, TAMIL MALAR -2<br>SUFFICIENT SUPPLY OF ESSENTIAL FOOD ITEMS DURING FESTIVES, NEWS, DAILY EKSPRESS -5<br>SAIFUDDIN ENSURE SUFFICIENT FOOD SUPPLY FOR HARI RAYA CELEBRATION, NEWS, UNITED DAILY NEWS (KUCHING) -A1 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 10.<br>11.<br>12. | PERTANIAN SABAH MASIH SEKAT GUARANA, DALAM NEGERI, UM -4<br>INDIVIDU 'JUAL' NAMA VIP YAKINKAN MANGSA, DALAM NEGERI, UM -4<br>KAMI TIDAK TIPU PROJEK TANAMAN GUARANA – RITZ, DALAM NEGERI, UM -4 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21. | TAMAN LAUT SUMBER PERIKANAN, MEGA SAINS, UM -28<br>PROGRAM PEMULIHARAAN BERPANJANGAN, MEGA SAINS, UM -29<br>SUKAR KE LAUT MUARA DITIMBUS LUMPUR, EKSKLUSIF, BH -12<br>JPS MOHON PERUNTUKAN PULIHARA MUARA, EKSKLUSIF, BH -12<br>NEGERI MAHU TINGKAT PERANAN SELAT MELAKA, EKSKLUSIF, BH -12<br>DREDGING BOATS IN 2 DISTRICTS RECEIVE INSTRUCTION TO INSTALL SATELLITE TRACKING, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C8<br>REASONS FOR VIETNAMESE 'SURGE', NEWS / NATION, NST -8<br>LOCAL FISHERMEN UP IN ARMS OVEN BRAZEN INTRUSION, LOSS OF LIVELIHOOD, NEWS / NATION, NST -8<br>D-G: MALAYSIA'S MARINE RESOURCES MAY BE WIPED OUT, NATION / NEWS, NST -9 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 22. | MAQIS RAMPAS MANGGA MASUK TANPA PERMIT, DALAM NEGERI, UM -7 | JABATAN PERKHIDMATAN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 23.<br>24.<br>25.<br>26. | PULAU SI BULUS JALANAN, SETEMPAT, HM -10<br>DARI UK KE MALAYSIA SELAMAT KUCING, SETEMPAT, HM -11<br>NEGARA PERLUKAN REFORMASI TANAH TERBIAR, BISNES SINAR, SH -27<br>KEJAR TARGET SERASI, KEMENTAN MENCARI LAHAN RAWA DI KALTENG, NEWS, MALAYSIA SHAFAQNA -5 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Aidilfitri: Bekalan telur ayam, kelapa dijamin mencukupi

**Oleh ZAAIN ZIN**
pengarang@utusan.com.my

**TUMPAT 19 MEI**

MASALAH kekurangan bekalan bahan makanan utama seperti telur ayam dan kelapa dijangka tidak berlaku pada musim sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama erat dalam memastikan bekalan bahan tersebut adalah mencukupi.

"Kita telah senaraikan sejumlah besar barangan yang disediakan untuk keperluan hari raya termasuk 800 juta telur ayam dan 27 juta biji kelapa.

"Kita beri jaminan bekalan makanan utama di seluruh negara mencukupi sepanjang musim perayaan kali ini di samping memastikan harganya terkawal," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu beliau menghadiri Program Ihya Ramadan kementeriannya dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) bersama warga komuniti pengguna Jajahan Tumpat.

Yang turut hadir, Pengerusi Kada, Datuk Husam Musa dan Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Adnan Abdul Rahman.

Seramai 500 penduduk miskin menerima bantuan berupa barangan makanan asas seperti tepung, beras, susu dan gula sumbangan pasar raya Econsave dan Speedmart dalam program tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Saifuddin berkata, pihaknya setakat ini belum menerima sebarang aduan berkaitan kenaikan harga secara mendadak sepanjang Ramadan ini.

Beliau turut memberitahu, melalui penguatkuasaan oleh 2,300 pegawai kementerian itu di seluruh negara, sejumlah 447 notis kesalahan gagal meletak tanda harga telah dikeluarkan kepada 38,000 pengusaha di bazar Ramadan dalam tempoh 10 hari pertama puasa.



**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL (kiri) bersama Husam Musa (bersongkok) bertanya khabar sambil menyampaikan bungkusan makanan kepada Ali Hussain dalam program Ihya Ramadan di Dewan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bakat Baru, Tumpat, Kelantan, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/5/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 13 |

# Barang keperluan raya mencukupi

**Tumpat:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan barangan keperluan sepanjang Ramadan sehingga sambutan Aidilfitri, mencukupi dan terkawal.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kementeriannya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, berganding bahu bagi memastikan bekalan makanan utama seperti daging, ayam, ikan, sayur-sayuran dan telur mencukupi dalam tempoh bermula Selasa ini hingga 19 Jun.

Beliau berkata, sebagai contoh, berdasarkan statistik daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sebanyak 800 juta telur serta 27 juta kelapa disediakan sepanjang Ramadan dan musim perayaan ini.

"Selain jaminan bekalan, harga barangan juga terkawal seperti di bazar Ramadan, sebanyak 38,000 premis perniagaan diperiksa 2,300 penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 447 notis amaran kegagalan meletakkan tanda harga diberikan. Namun, kita faham sebahagian besar peniaga ini hanya berniaga sebulan dalam setahun.

"Harga buat masa ini memang terkawal dan kami belum menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga mendadak. Bagaimanapun, kita akan mengambil tindakan serta-merta jika ada aduan berkaitan masalah itu," katanya.

[FOTO FATHIL ASRI /BH]



*Saifuddin Nasution beramah mesra dengan penerima sumbangan Ihya Ramadan di PPK Bakat Baru, sambil diperhatikan Pengerusi KADA, Datuk Husam Musa (tengah).*

## Sasar 20,000 terima bantuan

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada 500 asnaf di sekitar Tumpat di Program Ihya Ramadan bersama Komuniti Pengguna Tumpat, di Pertubuhan Peladang Kawasan Bakat Baru, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, sebanyak 10 universiti awam terbabit menerusi Program Food Bank Siswa Malaysia membabitkan sumbangan barangan makanan daripada 430 pasar raya di negara ini.

"Kita menyasarkan 20,000 mahasiswa daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) akan menerima bantuan ini menjelang hujung tahun. Pelbagai makanan disediakan seperti milo, biskut, roti dan buah-buahan.

"Jadi kita minta mahasiswa yang memerlukan makanan boleh mengambil bekalan itu di tempat yang disediakan di universiti mereka dan mereka tidak perlu risau kerana bekalan ini akan ditambah setiap hari," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | KOSMO | NEGARA | 6 |

Ayam, telur, kelapa mencukupi penuhi permintaan pada Hari Raya Aidilfitri

# Bekalan makanan dijamin cukup

**KOTA BHARU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bahawa bekalan makanan utama termasuk ayam, telur dan kelapa adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.



Menterinya, Saifuddin Nasution Ismail **(gambar kecil)** berkata, kementerian itu serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama erat dalam memastikan perkara tersebut.

"Kami telah senaraikan sejumlah besar barangan yang disediakan untuk keperluan musim perayaan termasuk 800 juta telur ayam dan 27 juta biji kelapa.

"Kami beri jaminan bekalan makanan utama adalah mencukupi sepanjang musim perayaan dengan harga yang terkawal," katanya kepada pemberita pada Program Ihya Ramadan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bersama warga Komuniti Pengguna Jajahan Tumpat di sini semalam.

Pada program itu, seramai 500 orang miskin dan kurang berkemampuan menerima sumbangan berupa barangan makanan asas termasuk tepung, beras, susu dan gula yang disumbangkan oleh pasar raya Econsave serta Speedmart.

"Sumbangan ini adalah sebahagian daripada usaha kami untuk meringankan beban golongan yang memerlukan," katanya sambil menambah jajahan Tumpat dipilih kerana ia antara daerah paling ramai kelompok miskin tegar di negara ini.

Mengulas mengenai kenaikan harga secara mendadak sepanjang bulan Ramadan ini, Saifuddin berkata, KPDNHEP belum menerima sebarang aduan.

Namun, langkah penguatkuasaan akan terus diperkasakan bagi memastikan tiada aktiviti pencatutan dikenakan ke atas pengguna.

"Setakat ini, sebahagian aduan membabitkan kenaikan harga makanan di restoran atau kedai makan, diikuti penipuan perniagaan atas talian dan iklan yang mengelirukan.

"Kami dapati penipuan atas talian menunjukkan trend menaik. Oleh itu, kami nasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati dengan menyemak paparan iklan terlebih bagi mengelak daripada tertipu.



BEKALAN daging ayam dijangka mendapat permintaan tinggi sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri awal bulan depan. – Gambar hiasan

"Pengguna boleh memanfaatkan tribunal tuntutan pengguna sebagai platform untuk membuat tuntutan ganti rugi berkenaan pembelian barangan atau perkhidmatan," katanya.

Sementara itu, KPDNHEP telah mengeluarkan sejumlah 447 notis kepada 38,000 premis jualan di bazar Ramadan dalam tempoh 10 hari puasa melalui penguatkuasaan yang dilakukan oleh 2,300 pegawai kementerian itu di seluruh negara membabitkan kesalahan gagal meletakkan tanda harga. – Bernama

| Headline | KPDNHEP assures of sufficient food supply during Raya | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A24 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 466 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,862 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,585 |





赛弗丁出席斋戒月活动时，受到出席者的欢迎。

## 贸消部保证

# 开斋节食材供应充足

（哥打峇鲁19日讯）国内贸易及消费人事务部长拿督斯里赛弗丁保证，开斋节期间鸡肉、鸡蛋和椰子等食材供应充足。

他说，贸消部与农业及农基工业部紧密合作确保供应情况。

"我们已经把关键食品列入名单，包括8亿个鸡蛋及2700万个椰子，我们保证这些食材在佳节期间供应充足，并控制价格。"

赛弗丁今天出席贸消部与格毗布农业发展局（KADA）联办的"贸消部长与消费者社区有约"斋戒月活动后对记者这么说。

通过这项活动，500名贫困及弱势群体获颁礼券（Econsave）及Speedmart超市礼券购物，白米、白糖及牛奶等必需品。

他指出，选择吉兰丹为该活动其中一个受惠地区，因为该县是其中一个拥有最多赤贫群体的地区。

赛弗丁说，贸消部至今尚未接获斋戒月期间物价飙升的投诉，当局会继续加强执法，确保不会发生商家趁佳节牟取暴利的情况。

"截至目前接获的投诉是关于食品的价格上涨，还有电子商务欺诈和引人混淆的广告。

"我们发现网购诈骗案有增加趋势，因此奉劝消费者保持谨慎，不要被夸张的广告所骗。消费者可善用消费人索偿仲裁庭的平台索偿。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sufficient supply of essential food items during festive seasons - Minister | | |
| MediaTitle | New Sabah Times English (KK) | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 11,025 |
| Page No | 4 | Readership | 33,075 |
| Language | English | ArticleSize | 339 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 751 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,252 |



# Sufficient supply of essential food items during festive seasons – Minister

KOTA BHARU: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has assured that there would be sufficient supply of essential food items during this year's festive seasons.

Minister Saifuddin Nasution Ismail said the ministry and the Agriculture and Agro-based Industry Ministry were working closely in ensuring the matter.

"We have listed a large number of items available for festive seasons including 800 million eggs and 27 million coconuts. We assure that the supply of the essential food items is adequate throughout the festive season at controlled prices," he told reporters at an "Ihya Ramadan" event here on Sunday.

Also present were Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) chairman Datuk Husam Musa and Kelantan KPDNHEP director Adnan Abdul Rahman.

Meanwhile, Saifuddin Nasution said the ministry had issued 447 compound notices to 38,000 traders at the Ramadan bazaars within 10 days of fasting month nationwide for not displaying price tags.

At the event, 500 needy people received food aid including flour, rice, milk and sugar from Econsave and Speedmart supermarkets. –Bernama



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (third left), pictured with recipients of the Ihya Ramadan Programme and the Tumpat community on Sunday. Also present was Kemubu Agricultural Development Authority chairman Datuk Husam Musa (fifth right). –Bernama Photo

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry ensure food supply is sufficient | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A19 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 117 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,368 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,104 |



新闻快拍

*哥打峇鲁*

# 贸消部保证食品供应足

国内贸易及消费者事务部保证，今年的佳节期间有足够的基本食品供应。

贸消部长赛夫丁纳苏申表示，该部与农业及农基工业部已经开始紧密合作，确保食品供应充足。

「我们列出大量佳节时期的食品名单，包括8亿颗鸡蛋和2700万个椰子。」

他出席斋戒月扶贫活动时说，佳节期间的基本食品价格将会受到控制。

另外，他也说，该部在斋戒月首10日发出447张罚款通知给3万3800名在斋月市集没有显示产品价格的商家。这次活动中，500名穷人获得食品援助，包括来自益康省和Speedmart超市的面粉、米、牛奶和糖。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sufficient supply throughout Ramadan and Hari Raya Aidilfitri | | |
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 2 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 223 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 1,146 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,439 |




# ஹரி ராயா கொண்டாட்டத்திற்கு போதுமான அத்தியாவசிய உணவுப் பொருட்கள்



கோத்தாபாரு, மே 20–

இவ்வாண்டு ஹரி ராயா கொண்டாட்டத்தை முன்னிட்டு போதுமான அத்தியாவசிய உணவுப் பொருட்கள் இருப்பதை உள்நாட்டு வாணிப மற்றும் பயனீட்டாளர் அமைச்சு உறுதி செய்யும் என அதன் அமைச்சர் சைபுடின் நசுத்தியோன் கூறினார்.

கோழி, முட்டை மற்றும் தேங் காய் போன்ற முக்கிய உணவுப் பொருட்களுக்கு தட்டுப்பாடு இருக்காது என நேற்று இங்கு நடந்த செய்தியாளர்கள் கூட்டத்தில் அவர் கூறினார். இந்த விவகாரத்தில் விவசாயம் மற்றும் விவசாயம் சார்ந்த தொழில் துறை அமைச்சுடன் தமது அமைச்சு ஒத்துழைத்து வருவதாக அவர் குறிப்பிட்டார். ஹரிராயா கொண்டாட்டத்திற்கு 800 லட்சம் கோழி முட்டைகள் மற்றும் 27 லட்சம் தேங்காய்கள் தயார் நிலையில் இருப்பதாக அவர் சுட்டிக் காட்டினார். அதே வேளையில் ஹரி ராயா கொண்டாட்டத்தை முன்னிட்டு தங்களின் விருப்பம் போல் பொருட்களை உயர்த்தக்கூடாது என தமது அமைச்சு வியாபாரிகளுக்கு



நினைவுறுத்தி உள்ளதாக சைபுடின் சொன்னார். அத்தியாவசிய பொருட்களின் விலைகளை உயர்த்தும் வியாபாரிகளுக்கு எதிராக தமது அமைச்சு நடவடிக்கை எடுக்கும் என அவர் எச்சரித்தார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sufficient supply of essential items for festivities | | |
| MediaTitle | Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my) | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 6 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Sufficient supply of essential items for festivities

KOTA BARU: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry assured that there would be sufficient supply of essential food items during this year's festive seasons.
Minister Saifuddin Nasution Ismail (pic) said the Ministry and the Agriculture and Agro-...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Saifuddin ensure sufficient food supply for Hari Raya celebration | | |
| MediaTitle | United Daily News (Kuching) | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 39,116 |
| Page No | A1 | Readership | 117,348 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 635 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,378 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 10,134 |



## 包括8億雞蛋2700萬椰子

# 貿長保證開齋應節品充足

（吉兰丹19日讯）国内贸易及消费人事务部长拿督斯里赛弗丁保证，开斋节期间鸡肉、鸡蛋和椰子等主要食物供应充足。



刘特佐私人飞机仍滞留新加坡实里达机场，当地警方有意申请庭令扣查

他说，贸消部与农业及农基工业部紧密合作确保供应情况。

"我们已经把大量应节品列入名单，包括8亿颗鸡蛋及2700万粒椰子，我们保证这些主要食物在佳节期间供应充足，并控制价格。"

赛弗丁今天出席贸消部与格姆布农业发展局（KADA）联办的"贸消部长与道北区消费者社区有约"斋戒月活动后，对记者这么说。

通过这项活动，500名穷困及弱势群体获宜康省（Econsave）及Speedmart超市捐赠面粉、白米、白糖、牛奶等必需品。

他指出，道北被选为该活动其中一个受惠地区，因为该县是其中一个拥有最多贫穷群体的地区。

赛弗丁说，贸消部至今尚未接获斋戒月期间物价飙升的投诉，当局会继续加强执法，确保不会发生商家趁佳节牟取暴利的情况。

"截至目前接获的投诉是关于食肆的食物价格上涨，还有电子商务欺诈和引人混淆的广告。"

"我们发现网购诈骗案有增加趋势，因此奉劝消费者保持谨慎，不要被夸张的广告所骗，消费者可善用消费人索偿仲裁庭的平台索偿。"



赛弗丁出席贸消部的斋戒月活动，并颁发援助品予有需要的人士。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Pertanian Sabah masih sekat guarana

**KUALA LUMPUR 19 Mei** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah menegaskan masih melarang sebarang kemasukan atau aktiviti berkaitan tanaman guarana di negeri berkenaan.

Menterinya, Junz Wong berkata, ini berikutan pihaknya masih menunggu maklumat penuh daripada syarikat pembangunan guarana berhubung permohonan permit import tumbuhan itu.

Jelasnya, sehingga hari ini syarikat terbabit tidak berbuat demikian dan pihaknya belum mendapatkan maklumat yang sepatutnya.

"Saya minta pihak berkenaan segera memohon melalui Jabatan Pertanian Sabah mengikut prosedur operasi standard (SOP) kuarantin.

"Pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah lalu, saya tegas mengumumkan bahawa buah guarana tidak dibenarkan di negeri itu untuk mengelakkan pelbagai skandal dan akhirnya petani dan masyarakat luar bandar menjadi mangsa," katanya dalam status yang dimuat naik dalam laman Facebook miliknya semalam.

Selain itu, Junz Wong begitu mengambil berat dan menjaga kebajikan rakyatnya dengan menasihati agar tidak tertipu dengan skandal yang ada.

"Saya mengingatkan orang Sabah khususnya petani serta orang kampung agar jangan mudah terpedaya dengan skim-skim penipuan benih ini," tambahnya.




**STATUS facebook Junz Wong berkenaan skandal buah guarana semalam.**

# Individu 'jual' nama VIP yakinkan mangsa

**Laporan KHAS**

**Oleh ZULHILMI ZAINAL dan HADI AB. MANAP**
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 19 MEI**

BAGI menambah keyakinan orang ramai bahawa perusahaan tanaman guarana yang ditawarkan kelihatan gah dan asli, seorang lelaki bergelar Datuk sanggup mengguna serta memanipulasi nama orang kenamaan (VIP) selain kementerian dan agensi.

Perbuatan licik itu bermula sejak beberapa tahun kebelakangan ini selepas pergerakannya secara sendirian sebelum ini tidak begitu menyakinkan masyarakat di luar bandar.

Menurut sumber, individu itu giat 'menjual' nama VIP berpangkat 'Datuk' di dalam pertubuhan serta agensi kerajaan di beberapa buah negeri bagi memastikan perniagaannya benar-benar nampak 'hidup' dan berjaya.

"Modus operandinya adalah pergi ke suatu tempat di kawasan luar bandar, menerangkan maklumat pembangunan guarana kepada masyarakat dan seterusnya mengaitkan VIP berkenaan terlibat secara langsung dalam membangunkan tumbuhan itu di negara ini.

"Lebih teruk, mereka sanggup menggunakan gambar-gambar pertemuan individu dalam syarikat dengan VIP berkenaan semata-mata mengaburi dan menarik lebih ramai petani menyertai ladang kontrak mereka," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, *Utusan* dan *Mingguan Malaysia* telah melaporkan petani yang sebelum ini mengusahakan tanaman getah dan sawit di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak kini kebingungan selepas ladang guarana yang diusahakan tidak mendapat kelulusan Jabatan Pertanian.




**KERATAN *Mingguan Malaysia* semalam.**

Janji manis Datuk berkenaan menyakinkan mangsa yang rata-ratanya petani dan pesara dengan bermodalkan RM52,500 pembelian 300 anak pokok untuk tanaman seluas 0.4 hektar boleh menjana pendapatan RM1.8 juta.

Sementara itu, lelaki yang mengakui mengenali rapat Datuk berkenaan juga menambah, dia sendiri kerugian ratusan ribu ringgit akibat janji manis Datuk berkenaan.

"Ramai menjadi mangsa. Selain petani dan pekerja kilang kopi guarana, koperasi di Pulau Pinang juga tidak terlepas tempiasnya dijadikan tempat untuk meraih kepercayaan masyarakat," ujarnya.

# Kami tidak tipu projek tanaman guarana – Ritz

**MUKADIMAH** **5 SOALAN**



EKORAN laporan akhbar ini berhubung ratusan petani didakwa ditipu dan dimanipulasi berhubung projek pertanian guarana, syarikat tunggal yang mahu membangunkan tanaman tersebut di negara ini iaitu Ritz Corparate Holding Berhad (Ritz) tampil membuat penjelasan.

Pengarah Eksekutifnya, **DATUK SERI ZAKWANHAFIZ AHMAD ANSARI** ketika ditemui wartawan *Utusan Malaysia*, **BADRUL ISA** dan **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** dan jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL ROSLI** di ibu negara, semalam menjelaskan, syarikatnya tidak pernah cuba untuk memanipulasi apatah lagi berniat menarik 'duit besar' seperti didakwa sebaliknya mereka bersedia memberi bantuan sepenuhnya kepada pekebun-pekebun kecil terlibat. Berikut sedutan temu bual tersebut.

**UTUSAN: Boleh Datuk Seri perjelaskan dakwaan kononnya ratusan petani di beberapa negeri menjadi mangsa penipuan menerusi tawaran membangunkan tanaman guarana?**

**ZAKWANHAFIZ:** Terlebih dahulu kami ingin mempersoalkan apakah yang dimaksudkan dengan ratusan petani menjadi mangsa penipuan tersebut, siapakah mereka yang ditipu dan berapakah nilai wang yang telah ditipu. Sehingga kini pihak Ritz tidak pernah dimaklum malah dipanggil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) tentang apa yang dimaksudkan bahawa syarikat telah melakukan penipuan.

Cuma, kami mengakui dan dimaklumkan berlaku penipuan di mana terdapat pihak-pihak tertentu yang menyamar sebagai pekerja syarikat dan membuat kutipan wang kononnya sebagai deposit ataupun bayaran bagi pembelian biji benih guarana yang bakal dibawa masuk, kejadian ini kami dimaklumkan berlaku di Sabah dan Langkawi.

**Bagaimana dengan perkembangan terkini status import guarana dan dakwaan yang mengatakan tawaran pembukaan tanah tetap berjalan rancak? Boleh Datuk Seri jelaskan lebih lanjut?**

**ZAKWANHAFIZ:** Kita telah mengadakan sesi taklimat dengan kerajaan pada 14 April lalu melibatkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Felcra dan agensi berkaitan yang lain. Proses permohonan permit mengimport sedang dijalankan. Beberapa dokumen dari Brazil juga sedang dikemaskini dan akan dihantar kepada pihak Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian. Kita turut memberikan sesi taklimat dan informasi kepada masyarakat tentang tanaman ini tanpa mengarahkan pembukaan tanah. Kita juga tidak pernah meminta tanah atau meminta wang daripada penduduk atau petani di samping cagaran atau apa jua yang mempunyai maksud sama dengannya termasuk bagi tujuan menarik 'duit besar'.

**Mengikut dakwaan 'sumber' pembangunan guarana dikatakan hanya merugikan petani. Adakah itu benar?**

**ZAKWANHAFIZ:** Pihak Ritz mengambil langkah menyahut saranan kerajaan dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyarankan untuk mencari tanaman alternatif bagi mengurangkan kebergantungan penuh terhadap hasil pendapatan sawit dan getah kerana ketidaktentuan harga pasaran. Kita juga mahu mencari sumber kekayaan baharu negara dalam sektor pertanian di samping membantu golongan berpendapatan rendah (B40).

Sebagai makluman, pihak Ritz memperkenalkan tanaman guarana dengan perjanjian pembelian balik buah guarana dengan harga RM80 setiap sekilogram (kg) manakala daun guarana pula dengan harga belian semula RM30 setiap kg. Perjanjian pembelian adalah disediakan oleh firma guaman yang dilantik secara rasmi oleh kami.

**Adakah benar tuduhan kononnya seorang individu berpangkat Datuk di Negeri Sembilan juga disyaki menjadi mangsa manipulasi tanah untuk tanaman guarana?**

**ZAKWANHAFIZ:** Pihak Ritz mengalu-alukan pihak yang rasa dirinya ditipu itu membuat laporan polis. Bukan itu sahaja, mana-mana pihak yang merasakan ditipu, sila tampil membuat laporan.

**Akhir sekali, apakah harapan Datuk Seri terhadap industri penanaman guarana di negara ini?**

**ZAKWANHAFIZ:** Saya betul-betul harap kelulusan permit mengimport biji benih itu dapat diselesaikan segera dan tanaman guarana ini dapat dimulakan pada bulan Julai ini supaya hasil pertamanya dapat dituai pada bulan Jun tahun hadapan dan petani dapat menikmati pulangan seperti yang diharapkan, itu sudah memadai bagi saya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA SAINS | 28 |



# Taman Laut sumber perikanan

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

BEBERAPA fakta tentang sumber perikanan negara amat meyakinkan.

Nilai tangkapan tahunan mencecah 1.3 juta tan bernilai RM9 bilion manakala hasil akuakultur mencecah 400,000 tan bernilai R 4 bilion.

Secara keseluruhannya nilai perikanan negara setahun kira-kira RM13 bilion. Ini termasuk eksport udang dikatakan mencecah 100,000 tan setahun dan ikan pelagik sebanyak 100,000 tan.

Persoalannya bersediakah kita mendepani cabaran perubahan iklim, pemanasan global dan bencana alam serta pencemaran akibat aktiviti manusia menjejaskan ekologi marin yang akhirnya sumber kita berkurangan secara tidak disedari.

Adakah kita bersedia untuk berdepan masalah kekurangan sumber perikanan pada masa akan datang? Inilah persoalan yang sewajarnya diberi perhatian memandangkan ikan merupakan sumber utama protein.

Ada perkhabaran yang membimbangkan kerana sumber perikanan kian terancam disebabkan oleh beberapa faktor antaranya pencemaran akibat aktiviti manusia dan pengurusan yang tidak lestari.

Masalah pencemaran laut sebagai contoh sudah menjadi isu yang sekian lama membimbangkan, pencemaran sampah dan plastik merosakkan laut yang menjadi habitat haiwan marin.

Bagi mencapai matlamat tersebut, banyak langkah pemuliharaan yang dilakukan termasuk yang paling memberi impak iaitu penubuhan Taman Laut.



CLOWN fish menjadi tarikan utama kepada para penyelam di Taman Laut Pulau Payar, Langkawi.

Pada Oktober tahun lepas kerajaan telah menggabungkan Taman Laut ke Jabatan Perikanan bagi menyusun semula tanggungjawab sumber perikanan di bawah jabatan berkenaan.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd. Nawi berkata, kesedaran dalam kalangan masyarakat termasuk belia semakin meningkat.

Ini kerana sejak peringkat sekolah lagi mereka telah didedahkan dengan kepentingan menjaga persekitaran menerusi media massa dan hari ini media sosial memainkan peranan lebih penting dengan adanya



MUNIR MOHD. NAWI (kanan) merasmikan video Pesanan Khidmat Awam (PSA) Ahmad Marin sebagai platform bagi memulihara khazanah Taman Laut sambil diperhatikan timbalannya, Dr. Bah Piyan Tan.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | BERITA HARIAN | EKSKLUSIF | 12 |

## JPS mohon peruntukan pulihara muara

**Kuala Lumpur:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah memohon peruntukan daripada kerajaan untuk melaksanakan projek pemuliharaan muara sungai di kawasan bermasalah khususnya di dua negeri iaitu Terengganu dan Kedah.

Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai JPS, Siti Aishah Hashim, berkata pihaknya menerima permohonan daripada kerajaan negeri untuk projek berkenaan khususnya di kawasan kritikal.

Beliau berkata, perancangan untuk pelaksanaan akan dimulakan sekiranya peruntukan diterima pada tahun depan.

Mengulas lanjut beliau berkata, projek pemuliharaan muara sungai itu membabitkan kerja pengorekan di muara sungai yang cetek dan pembinaan benteng pemecah ombak bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Jabatan ada menerima permohonan daripada setiap negeri bagi kerja pemuliharaan muara sungai dan sekiranya ia adalah keperluan mendesak kita akan kemukakan permohonan kepada kerajaan untuk melaksanakan projek pemuliharaan berkenaan.

"Sehingga kini, dua kaedah dilaksanakan bagi pemuliharaan muara sungai yang cetek iaitu mengorek muara sungai untuk penyelesaian jangka pendek dan pembinaan benteng pemecah ombak bagi penyelesaian jangka panjang," di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas situasi di mana ribuan nelayan di tiga negeri iaitu Kedah, Perlis dan Terengganu dikesan paling teruk terjejas akibat muara sungai yang cetek sehingga menyukarkan mereka turun ke laut.

## Negeri mahu tingkat peranan Selat Melaka

**Melaka:** Melaka mahu meningkatkan peranan perairan Selat Melaka dengan membangunkan pelabuhan supaya tambahan pendapatan ekonomi yang baharu itu dapat disalurkan untuk membiayai kos pemuliharaan kawasan perairan yang terjejas di negeri ini.

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata sumber pendapatan ekonomi baharu kerajaan Melaka melalui aktiviti import dan ekport di Pelabuhan Tanjung Bruas itu sekali gus dapat menangani isu alam sekitar termasuk kejadian pemendapan pasir dan lumpur khususnya di perairan Selat Melaka.

"Selat Melaka adalah milik bersama semua pihak kerana ia adalah perairan antarabangsa.

"Namun, Melaka akan membangunkan pelabuhan (Tanjung Bruas) bagi meningkatkan ekonomi bagi tujuan import, eksport, pembaikan dan aktiviti berkaitan," katanya mengulas laporan muka depan *BH Ahad*, mengenai kapal punca pantai berlumpur khususnya di Selat Melaka.

**MUARA CETEK HALANG LALUAN BOT**

(FOTO BADRUL KAMAL ZAKARIA/BH)



*Bot nelayan tersadai di Pangkalan Parit Karang Laut ketika air surut berikutan keadaan di muara cetek.*

# Sukar ke laut muara ditimbus lumpur

**Nelayan Tangkak resah aktiviti tangkap ikan terhad akibat mendapan selut**


Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@nstp.com.my


▶ Tangkak

Nelayan di Johor khususnya di daerah ini terjejas teruk dengan fenomena muara cetek kerana pemendapan selut. Masalah ini menjejaskan kegiatan perikanan dan pendapatan nelayan.

Hakisan itu menyebabkan nelayan terpaksa bergantung kepada keadaan pasang surut air untuk ke laut.

Antara yang berdepan masalah ini termasuk pangkalan Parit Karang Laut, Kesang Laut dan Parit Ismail di daerah Tangkak, manakala di Muar membabitkan Parit Perupok, Parit Amal, Parit Raja dan Parit Kassim.

Nelayan Parit Karang Laut, Saruddin Abu Bakar, mendakwa isu itu adalah masalah berulang yang menghantui nelayan lebih setahun lalu iaitu sejak kali terakhir kerja mengorek lumpur di kuala dibuat pihak berwajib.

Dakwanya, keadaan itu menyebabkan aktiviti perikanan sangat terhad kerana nelayan hanya boleh ke laut ketika air pasang dan perlu segera balik ke pangkalan atau jeti sebelum air surut bagi mengelak tersangkut pada beting di muara.

Nelayan Parit Perupok Laut, Mohd Norazmi Kasim, berkata muara ditutupi lumpur turut menjejaskan pendapatannya kerana tidak dapat memaksimumkan tempoh ke laut untuk menangkap ikan.

### Enjin bot mudah rosak

Yahya Baba pula memberitahu, beberapa bahagian enjin bot seperti kipas, batang sub, kemudi, kotak gear atau bahagian dalam enjin mudah rosak akibat dimasuki lumpur.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serom, Dr Faizul Amri Adnan, berkata arus laut deras di pesisir pantai daerah Tangkak dan Muar menyebabkan kuala ditimbusi lumpur.

Katanya, masalah ini disebabkan arus laut yang agak kuat dan ia boleh berlaku dari pelbagai arah mengikut musim tertentu.

Faizul Amri yang juga pakar hidrografi dan reka bentuk kapal turut menjangkakan arus bertambah tinggi pada masa hadapan berikutan keadaan muka bumi kawasan Tangkak dan Muar yang berada jaluran paling sempit Selat Melaka.

"Arus laut di kawasan ini memang tinggi dan mengikut keadaan pada hari ini, saya menjangkakan arus laut terus kuat pada masa akan depan. Ini menyebabkan tindakan konvensional sebelum ini seperti projek mengorek muara sungai gagal menangani masalah ini.

"Saya juga melihat arus laut, terutama di Parit Karang Laut datang dari pelbagai arah dan perubahan ini boleh memberikan kesan dan masalah di pangkalan nelayan ini," katanya ketika ditemui *BH* di Pangkalan Nelayan Parit Karang Laut di sini, semalam.

Beliau yang juga bekas pensyarah di UniKL-MIMET berkata, arus laut deras juga menyebabkan hakisan di pesisir pantai, sekali gus membawa hakisan itu ke kawasan lain termasuk di kuala dan menutupnya sehingga memberi kesan kepada sektor perikanan.

"Arus deras ini turut menyebabkan hakisan teruk di kawasan lain seperti yang berlaku di beberapa tempat di kedua-dua daerah ini dan menjadi antara penyebab tanah kita pada semakin mengecil.

### Laut hakis tanah

"Dahulu pantai ini masih jauh ke hadapan, namun kini ia semakin menghakis tanah hingga ada tempat yang dahulu mempunyai rumah atau binaan, tapi kini sudah berada di kawasan laut," katanya.

Faizul Amri berkata, keadaan muka bumi di rantau ini yang dilihat semakin kurang stabil juga antara punca masalah ini berterusan dan memerlukan satu jangka panjang bagi menanganinya.



*Saruddin Abu Bakar*



*Mohd Norazmi Kasim*

"Sejak kebelakangan ini juga sering berlaku gempa dan ia secara tidak langsung turut menghasilkan gelombang atau ombak agak besar walaupun bukan kategori tsunami.

"Keadaan ini sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada negara kita khususnya di pesisir pantai, terutama di kawasan Pantai Barat Semenanjung tanpa kita sedari," katanya.

Beliau berkata, boleh dikatakan keseluruhan pantai terutama di Pantai Barat Semenanjung ini terletak bersebelahan Indonesia yang berada dalam kawasan garisan lingkaran api pasifik punca mereka kerap mengalami gempa.

"Gempa bumi yang kerap dan tinggi ini menyebabkan gelombang atau ombak besar yang boleh mempengaruhi arus laut ini, seterusnya menyebabkan hakisan terus berlaku jika tiada pelan penyelesaian jangka panjang untuk mengatasinya," katanya.

| Headline | Dredging boats in 2 districts receive instruction to install satellite tracking | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | China Press (Johor) | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 19,804 |
| Page No | C8 | Readership | 59,412 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 588 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,018 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,055 |






# 漁業局已指示2縣拖網漁船
# 安裝衛星追蹤器

（麻坡19日讯）土团党麻坡区国会议员赛沙迪指出，渔业局已指示笨珍与峇株巴辖2县共136艘拖网渔船，须安装卫星追踪器，一旦这项系统全面运作入运作，将有望解决拖网渔船入侵浅海的问题。

他透露，除了卫星追踪器，当局从明年起，不再更新拖网渔船的执照。

他认为，上述2项措施，须加速及严厉执行，不容再展延，以遏止拖网渔船入侵浅海，避免影响渔民的收获与生计。

赛沙迪也是青年及体育部长。他今午与巴冬渔民举行对话会时指出，巴冬渔民过去数十年来，面对拖网渔船入侵海域，不但举报之后不见当局采取对付行动，有者甚至遭到刁难。

## 逐步推展至各州

他为此召集各相关部门，包括麻坡渔业局主任法利斯、麻坡水警主任诺丁、麻坡渔业发展局主任峇哈鲁尼及麻坡渔民协会主席卡马鲁丁，与渔民对话，收集渔民心声，也商讨对策方法。

他提到，根据渔业局的报告，笨珍县及峇株巴辖县分别被批下87张及49张B牌拖网渔船作业执照，目前所有船只已被指示安装安装卫星追踪器，此项措施将逐步推展至各州。

他进一步说，拖网渔船设有卫星追踪系统之后，意味着当局可以随时监督相关渔船的位置，一旦接获举报，可以立即采取执法行动及搜取证据，以依法惩罚违例者。

他吁请渔民应保持合作，遇到拖网渔船入侵事件时，可以手机摄录相关船只，充作证据。

针对政府早前提出将全面禁止拖网船作业，但此措施一再展延，赛沙迪指出，将会向农业与农基工业部要求立即推行措施，以免破坏海洋生物，也保障在浅海捕鱼的渔民生计。

渔业局近半年，共发出4张罚款给违例拖网渔船业者。



■渔民踊跃反映面对的困境，冀当局正视问题。



■卡马鲁丁（左起）、诺丁、赛沙迪、法利斯及峇哈鲁尼主持对话会，聆听渔民的心声。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | NST | NATION / NEWS | 8 |



ENCROACHMENT BY FISHERMEN

# REASONS FOR VIETNAMESE 'SURGE'

Limited security patrols, damage to Vietnamese seabed among factors

ADRIAN DAVID
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



*A Malaysia Marine Parks Department diver cutting a fishing net that can cause damage to corals on the seabed in waters off Besut, Terengganu, last year. (Inset) Retired First Admiral Datuk Chin Yoon Chin.* FILE PIC

VIETNAMESE trawlers encroach on Malaysian waters partly because it is less stringently policed compared with the sea around the Paracels and Spratlys archipelago, where Chinese forces have a strong presence.

Vietnamese fishermen are also venturing further out into the open sea after over-harvesting, dredging and the building of artificial islands had damaged 160 sq km of their country's seabed.

A fisheries industry expert said poaching had also resulted in the depletion of Vietnam's fish stock by as much as 70 per cent over the past 20 years.

Fisheries Department director-general Datuk Munir Mohd Nawi said these had caused the Vietnamese fishermen to trespass on Malaysian waters to plunder some RM6 billion in marine resources a year.

The worst part was that the illegal fishermen used dragnets that destroy the priceless marine ecosystem including corals.

Vietnam's fishing industry employs more than 4.5 million people and is the world's fourth largest exporter of fish after China, Norway and Thailand.

The Vietnamese Association of Seafood Exporters and Producers (Vasep) reported that the country's catch amounted to US$10 billion (RM41 billion) a year.

Former Maritime Institute of Malaysia (Mima) director-general retired First Admiral Datuk Chin Yoon Chin said there were more than 80,000 trawlers operated by Vietnamese fishermen.

"Their favourite catch are the expensive bluefin tuna and equally high-priced yellowfin tuna. Other popular ones are grouper, squid, cockles and shellfish, crabs, shrimps, snapper, lobsters, oysters and baby sharks."

A Bluefin tuna reportedly sells for US$200 per kg, while yellowfin tuna can fetch US$8 per kg. Earlier this year, a 277.6kg bluefin tuna was sold for US$3 million in Japan.

"The extraction of this natural resource in the South China Sea has been the cause of many international spats recently.

"The area is biologically diverse and home to 3,365 species of fish. It is also one of the five most productive fishing zones in the world with regard to total annual marine production.

"It helps the coastal economy and is crucial for the export trade and food security of 12 countries and territories it borders."

Chin added that since 1998, Vietnam had offered US$65 million in economic incentives and preferential loans to its offshore fishermen to upgrade their vessels with powerful engines and modern equipment.

"Private businesses and foreign-invested businesses linked to Vasep are also given tax reductions during the first three years of offshore fisheries business," said Chin.

He said there were 31 ports from where the Vietnamese trawlers operated.

However, only seven could accommodate large vessels equipped with 400hp engines — Lach Bang and Lach Hoi in Thanh Hoa province; Cua Hoi in Nghe An province; Xuan Pho in Ha Tinh province; Song Gianh in Quang Binh province; Con Co in Quang Tri province; and Thuan Phuoc in Da Nang province.

# Local fishermen up in arms over brazen intrusion, loss of livelihood



KUALA LUMPUR: The blatant intrusion of Vietnamese trawlers off Peninsular Malaysia's east coast has drawn the ire of local fishermen.

Tens of thousands of local fishermen have urged the Agriculture and Agro-based Ministry and other agencies to take remedial measures.

Speaking on their behalf, Dungun Fishermen's Association board of directors representative Bahiyuddin Awang Harun urged the authorities to intervene.

"Our livelihood and that of our families has been severely affected by these indiscriminate actions of Vietnamese fishermen.

"They seem to have a free hand to blatantly intrude into Malaysian waters and wantonly poach our fish.

"Not only are we affected, but the country is also suffering a huge loss, not to mention the horrendous damage to the biodiversity, seabed and marine life in our country," said Bahiyuddin, who recently organised a protest at Dataran Shahbandar jetty in Kuala Terengganu.

He added that the local fishermen were wondering how the Vietnamese fishermen were able to get permits issued by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry for the last 15 years to catch fish in Malaysian waters. The NST learnt that a Malaysian syndicate was allegedly renting out the permits to the fishermen.

"There are at least 100 Vietnamese trawlers actively fishing in our waters unchallenged. They are able to reap huge profits by netting premium fish that fetch high prices when sold back home."

Owing to their success stories, more Vietnamese fishermen are becoming bolder about venturing into our waters and depleting the supply of fish here, he added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | NST | NATION / NEWS | 9 |







# D-G: Malaysia's marine resources may be wiped out

**KUALA LUMPUR:** Poaching by illegal Vietnamese trawlers is threatening to deplete Malaysia's fish stock. Worse still, the country's billions of ringgit in marine resources and the eco-system may be wiped out.

Fisheries Department director-general Datuk Munir Mohd Nawi warned that if the situation was left unchecked, there could be nothing left in Malaysia.

"This is a very serious issue as our seabed is being stripped and the country's resources are being plundered.

"We are losing billions of ringgit, with RM6 billion in fish (RM4.2 billion from territorial waters and RM1.8 billion in deep sea) alone stolen, annually. The time has come for us to come down hard on these illegal fishing activities conducted mainly by foreigners," said Munir.

The *New Straits Times* learnt that an estimated 11 million to 26 million tonnes, or 15 per cent, of the global catch was reportedly taken illegally each year.

Munir said preventive and rehabilitative measures had to be implemented through a fisheries management plan to overcome the effects of global warming, climate change and pollution.

Studies on 7,800 marine species around the world's ecosystem by global marine experts concluded that nearly 90 per cent of global fish stocks were either fully fished or over-fished.



*Datuk Munir Mohd Nawi*

"And by 2048, the United Nations' Food and Agriculture Organisation (FAO) has forecast a total seafood depletion in the world, despite an Organisation for Economic Cooperation and Development forecast of a 17 per cent rise in fish production by 2025," he said.

Munir called for stricter control, supervision and management of marine life to avoid dire consequences in the coming years.

Munir said that Malaysian fishermen caught nearly one million tonnes of seafood annually, with about 40,000 tonnes kept as frozen reserves.

"The situation is more challenging during the monsoon season when small-vessel fishermen are hindered from going out to sea, thus, depleting supplies.

"But we manage somehow by importing seafood to meet local demand, especially for restaurants, for premium fish like salmon, red snapper and mussels."

Alternately, he said, there were efforts to improve enforcement against illegal fishing, especially by foreign vessels which destroy marine life using trawling nets.

One of the measures, he said, was to prevent the use of trawling nets within 12 nautical miles inshore to protect the productive zones comprising corals and reefs at marine parks, and fish breeding grounds.

"International ecologists and economists discovered that the loss of biodiversity has impaired the ability of oceans to feed the world's growing human population, which was expected to rise by 50 per cent to nine billion in 2050.

"The studies showed that more people were eating fish as a protein source," he said.







*Local fishermen holding a protest against the intrusion of Vietnamese trawlers in Malaysian waters at Dataran Shahbandar Jetty in Kuala Terengganu recently. (Inset) Some of the Vietnamese trawlers seized for fishing illegally in Malaysian waters.* FILE PIX

## Correction

**THE** New Straits Times would like to clarify that in the article headlined "Put off projects until graft probe ends" published on Sunday, May 19, the statement "This project cannot continue. There are reports that the developer involved may have a connection with the (FT minister) Khalid Samad" was not made by former Bar Council chairman Datuk Ambiga Sreenevasan. She also did not say that they could be business associates. The error is regretted.




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | NST | NST POSTER | 10 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# MAQIS rampas mangga masuk tanpa permit

**PUTRAJAYA 19 Mei** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah merampas 20 kilogram (kg) buah mangga yang dibawa masuk tanpa permit dari Myanmar, semalam.

Rampasan dibuat pada pukul 8.30 malam di laluan domestik Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Menurut MAQIS, pegawai penguat kuasa MAQIS telah membuat pemeriksaan bagasi di laluan domestik berkenaan dan mendapati seorang warganegara Myanmar telah membawa masuk buah mangga melalui transit dari Kuala Lumpur dengan anggaran berat sebanyak 20kg. tanpa sebarang dokumen import permit (IP) daripada MAQIS dan sijil fitosanitasi dari Myanmar.

Jelasnya, buah mangga tersebut merupakan komoditi kawalan pertanian yang berisiko dan juga dilarang membawa masuk tanpa mempunyai sebarang dokumen yang lengkap bagi bagi mengelakkan risiko kemasukan perosak seperti kumbang pengorek buah mangga, (spesies *sternochetus mangiferae*).

"Perbuatan mengimport buah mangga tanpa mempunyai permit import yang sah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," jelasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 10 |



MEOW Island sering mendapat perhatian pencinta kucing dari Barat untuk menjalani aktiviti sukarelawan.




# PULAU SI BULUS JALANAN

■ ***Lelaki pencinta kucing jadikan Meow Island seluas empat hektar sebagai santuari istimewa***

**Mohamad Azim Fitri Abd Aziz**
azimfitri@hmetro.com.my

**Pekan**

Minat dan cintanya terhadap kucing mendorong dia mengusahakan tanah pulau seluas kira-kira empat hektar di Pulau Keladi di sini, bagi menempatkan puluhan kucing jalanan untuk dipelihara.

Usaha murni yang digerakkan sejak 2015 itu bukan saja menelan belanja ribuan ringgit setiap bulan, malah menuntut komitmen harian Tengku Lukmannadzira Tengku Husin, 55, ke atas haiwan kesayangannya itu.

Menurutnya, kawasan dinamakan *Meow Island* itu adalah inisiatif yang diambil selepas melihat terlalu banyak kucing jalanan terbiar tanpa penjagaan sepatutnya.

Katanya, sebelum ini, dia hanya membela kucing di kawasan rumah sebelum memohon tanah daripada kerajaan negeri empat tahun lalu untuk dijadikan kawasan menjaga dan membela haiwan itu.

"Minat terhadap kucing sejak kecil lagi, saya tidak pilih baka kucing apa untuk saya jaga. Kucing yang terbiar dan sakit terutama akan diselamatkan.

"Kini, di Meow Island ada lebih daripada 20 kucing sudah saya selamatkan dan pelihara termasuk bersama haiwan lain seperti kambing dan anjing," katanya ketika ditemui Harian Metro di sini.

Tengku Lukmannadzira berkata, beliau menghabiskan sekurang-kurangnya RM7,000 sebulan bagi menjaga dan menguruskan kucing dipeliharanya itu termasuk membeli makanan dan kos rawatan.

Beliau turut menghabiskan ribuan ringgit untuk mencantik dan menaik taraf Meow Island seperti membina rumah kucing, sangkar dan rumah tumpangan untuk sukarelawan datang ke pulau itu membantunya.

Menurutnya, sukarelawan asing terutama pencinta kucing dari Barat sering ke pulaunya untuk membantu menguruskan kucing peliharaannya selama beberapa minggu.

"Mereka lakukan kerja dengan ikhlas tanpa meminta bayaran, saya cuma beri mereka tempat tinggal di kawasan rumah tumpangan yang sudah dibina sebagai tempat bermalam," katanya.

Bekas perunding perkahwinan itu mengalu-alukan orang ramai membawa kucing jalanan yang diselamatkan kepadanya namun ia mestilah dimandulkan terlebih dulu sebagai syarat untuk tinggal di Meow Island.

Katanya, jika kucing yang dibawa tidak dimandul terlebih dulu ia akan menyebabkan pembiakan tidak terkawal sekali gus menyukarkan penjagaan yang lebih efektif dilakukan.

Dalam pada itu, bagi menampung perbelanjaan harian penjagaan kucing yang diselamatkan, beliau turut mengambil inisiatif menjual cenderamata seperti baju dan menyediakan perkhidmatan rumah tumpangan di kawasan pulau itu kepada orang ramai.

"Saya turut menjual pakaian terpakai yang ditinggalkan orang ramai di kawasan rumah dengan harga RM1 setiap sehelai bagi menampung kos penjagaan kucing ini," katanya.

Beliau turut bersyukur kerana usahanya itu dibantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang yang akan melakukan pemeriksaan ke atas kucingnya setiap bulan.

Anak kelahiran Pekan itu menganggarkan kira-kira 1,000 kucing dipelihara dan diselamatkan sejak kecil dan tidak akan berhenti membuat perkara itu selagi kudratnya masih ada.

"Kucing jalanan yang ada di persekitaran kita ini juga makhluk Allah SWT dan memerlukan ihsan manusia, jadi atas sebab itu juga saya mewujudkan Meow Island supaya mereka mempunyai kawasan yang mana boleh mendapat penjagaan yang baik," katanya.

Tengku Lukmannadzira berkata, beliau tidak mempunyai sebarang masalah untuk orang ramai atau pencinta kucing melawat Meow Island dan berbesar hati jika ada pengunjung datang ke kawasan itu.

Bagaimanapun, katanya, lebih berhati-hati dalam menyerahkan kucing peliharaannya kepada mereka yang menginginkan atas beberapa faktor seperti kebolehjagaan penjaga haiwan itu serta komitmen yang mampu diberikan jika mahu mengambil kucing jalanan itu dari Meow Island.

> **"Kucing jalanan yang ada di persekitaran kita ini juga makhluk Allah SWT dan memerlukan ihsan manusia, jadi atas sebab itu juga saya mewujudkan Meow Island supaya mereka mempunyai kawasan yang mana boleh mendapat penjagaan yang baik"**
> *Tengku Lukmannadzira*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/5/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 11 |



HARIAN METRO
FOTO: FARIZUL HAFIZ AWANG





RUMAH kucing dibina bagi memberi keselesaan kepada haiwan peliharaan.





PULAU Keladi yang menjadi penempatan bagi kucing terbiar.

# Dari UK ke Malaysia selamat kucing

**Pekan:** Tidak sanggup melihat kucing terbiar serta tidak terurus di jalanan mendorong warga United Kingdom Tony Lo Gelfo, 35, memutuskan untuk membantu haiwan itu sehabis mungkin.

Katanya, dia mengambil keputusan menjaga kucing jalanan itu kerana melihat jumlah haiwan itu yang semakin bertambah serta tidak terurus dengan baik di mana-mana negara dilawatinya.

"Bila saya tiba ke Malaysia saya putuskan untuk cari kawasan penjagaan haiwan terutama kucing bagi membolehkan saya menyumbang keringat menjaga haiwan itu.

"Menjaga kucing sebenarnya tidak susah seperti menjaga haiwan lain," katanya ketika ditemui di Meow Island di sini.

Tony turut mengucapkan terima kasih kepada pengasas Meow Island, Tengku Lukmannadzira Tengku Husin kerana sudi mengambilnya sebagai sukarelawan membantu dalam menjaga kucing jalanan diselamatkannya setiap hari.

Pelancong berasal dari London itu turut menceritakan rutin harian di Meow Island dengan memberi makan dan membersihkan haiwan itu setiap hari.



**"Bila saya tiba ke Malaysia saya putuskan untuk cari kawasan penjagaan haiwan terutama kucing bagi membolehkan saya menyumbang keringat menjaga haiwan itu"**
*Gelfo*

Katanya, jika ada pelawat beliau juga akan membantu dalam memberikan penerangan serta menunjukkan kawasan yang ingin dilawati mereka.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Sahabat Kucing Jalanan Pahang, Jurina Abdul Rani berkata, usaha yang dilakukan Tengku Lukmannadzira wajar dipuji kerana tidak ramai yang mampu mengeluarkan perbelanjaan besar serta komitmen harian menjaga kucing jalanan.

Katanya, beliau akan mencari jalan untuk melakukan kolaborasi dengan mengadakan program di Meow Island supaya dana dapat dikumpul bagi membantu kucing jalanan yang lain.



TENGKU Lukmannadzira membawa kucing jalanan yang sudah dimandikan ke Meow Island.





TENGKU Lukmannadzira belanja RM7,000 sebulan menguruskan kucing termasuk makanan dan kos rawatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/5/2019 | SINAR HARIAN | BISNES SINAR | 27 |

# Negara perlukan reformasi tanah terbiar

Import makanan negara termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan dilaporkan mencecah puluhan bilion ringgit setahun dilihat sebagai tidak wajar jika mengambil kira keluasan tanah yang boleh diusahakan untuk tujuan pertanian tetapi tinggal terbiar.

Kebergantungan kepada sumber makanan import terutama dari China, Thailand, Australia, India dan Afrika menyebabkan kita akan terperangkap dengan kenaikan harga makanan yang diimport yang sudah tentunya menyebabkan rakyat dibebani harga yang tinggi.

Hakikatnya, memang banyak tanah yang dibiarkan ditumbuhi semak dan belukar, tidak diusahakan atau dioptimumkan penggunaannya bagi tujuan menghasilkan keluaran pertanian.

Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr Azima Abdul Manaf dalam kajian ijazah kedoktorannya pada 2006 yang meliputi Kuala Pilah, Negeri Sembilan mendapati 564 hektar tanah terbiar di daerah berkenaan.

Beliau menggariskan banyak punca berlakunya tanah pertanian terbiar di kawasan yang dikaji itu. Antaranya faktor undang-undang pemilikan, kepemilikan tanah yang bertindih, kekurangan pekerja untuk mengerjakan tanah pertanian, sikap penduduk yang lebih gemar bekerja di luar sektor pertanian dan usia tua.

Justeru, tindakan semua pihak amat diperlukan bagi mengatasi kemelut tanah terbiar ini agar dapat membantu kerajaan mengurangkan import makanan.



USAHA mengeluarkan sebanyak mungkin hasil daripada tanah terbiar dapat mengurangkan kos hidup. (Gambar hiasan)

## Statistik

Statistik Jabatan Pertanian pada 2014 menunjukkan tidak kurang 119,273 hektar tanah yang sesuai untuk pertanian tidak diusahakan dan terbiar di seluruh negara.



ISMAIL

Di Semenanjung Malaysia sahaja dilaporkan lebih kurang 117,198 hektar tanah terbiar.

Antara keluasan tanah terbiar melibatkan Tanah Rezab Melayu, Tanah Adat, Tanah Pegangan Melayu dan Tanah Wakaf.

Jabatan Geosains pula menyatakan terdapat kira-kira kira-kira 73,000 hektar tanah bekas lombong di seluruh negara yang belum diusahakan dengan kemajuan sepenuhnya.

Manakala menurut Yayasan Waqaf Negara, pada tahun 2016, terdapat kira-kira 24,000 hektar tanah wakaf di seluruh negara yang masih belum dimajukan sepenuhnya.

"Justeru, sudah sampai masa usaha secara bersepadu perlu dijalankan untuk mencari jalan keluar terhadap masalah ini," kata Profesor Ekonomi Tanah, Universiti Tun Hussein Onn, Prof Dr Ismail Omar kepada Bernama baru-baru ini.

## Dasar pertanian negara

Tanah yang dikategorikan sebagai tanah terbiar adalah tanah berimilik yang berkeluasan minimum 0.4 hektar atau lebih yang tidak diusahakan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

Biasanya tanah yang dimaksudkan adalah di bawah kategori kegunaan pertanian.

Menurut Ismail, Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 115 memperuntukkan pihak kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian boleh mengambil tindakan merampas tanah berimilik sekiranya pemilik berdaftar tidak mengusahakan tanah berkenaan seperti yang disyaratkan dalam tempoh yang dinyatakan.

"Undang-undang ini antara lain bertujuan menangani tanah terbiar supaya dapat memaksimumkan penggunaan tanah. Namun, kerajaan negeri yang mentadbir hal ehwal tanah sering berfikir panjang sebelum mengambil tindakan walaupun ada undang-undang membenarkannya," katanya.

## Optimum penggunaan

Menurut Ismail, walaupun ada usaha dilakukan untuk menangani isu tanah sama ada di pihak kerajaan, pemilik tanah dan pengusaha tetapi lanya masih agak perlahan.

Justeru, konsep Buku Hijau, sahabat tanah dan sebagainya perlu dikemukakan semula.

Isu utama yang berlaku bukan sekadar keadaan fizikal tanah yang terbiar tetapi produktiviti yang tidak dapat diserlahkan pada tahap yang tertinggi dan terbaik daripada tanah yang berpotensi tersebut.

"Daripada sudut yang lain, kita seolah-olah kurang bersyukur dengan apa yang Tuhan kurniakan. Dengan tanah yang subur dan tiada bencana alam, pemilik tanah tidak mengusahakan tanah mereka.

"Begitu juga apabila tanah wakaf tidak dimajukan, bermakna hasrat orang yang mewakafkan tidak dipenuhi. Justeru, pentadbir tanah wakaf bertanggungjawab penuh terhadap perkara ini," katanya.

Ismail yang juga Ahli Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, tanah terbiar bukan sahaja merugikan pemilik, malah masyarakat dan negara akan mengalami kesusahan apabila tidak ada hasil dikeluarkan.

"Akibatnya, kos sara hidup melonjak tinggi. Apabila produktiviti tidak dapat dikeluarkan daripada hasil tanah terutama hasil pertanian, barang-barang makanan menjadi kurang di pasaran dan menyebabkan harganya melambung tinggi.

"Jika ingin mengurangkan kos hidup yang menjadi rungutan rakyat, pihak kerajaan, swasta dan masyarakat harus berganding bahu mencari jalan untuk mengeluarkan sebanyak mungkin hasil daripada tanah terbiar ini," tegasnya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kejar Target Serasi, Kementan Mencari Lahan Rawa di Kalteng | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 20 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Kejar Target Serasi, Kementan Mencari Lahan Rawa di Kalteng

Kementerian Pertanian makin gencar realisasikan program Selamatkan Rawa Sejahterakan Petani (Serasi).
Melalui Direktorat Jenderal Prasarana dan Sarana
Baca tapak asal

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***